

2,500 PAKAIAN DIAGIHKAN MELALUI PROGRAM YADAN BI YADIN

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

GADONG, Sabtu, 17 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab dengan kerjasama Atha Sendirian Berhad mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Amal berupa pakaian raya sempena Ramadan Mubarak 2021 Masihi, bertempat di Dewan Pisuk

Babu, Kompleks Annajat. Program dikenali sebagai 'Yadan bi Yadin' yang membawa makna 'kebersamaan' ini merupakan program amal yang diungkayahkan oleh Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab, UNISSA. Antara objektif program yang dikendalikan buat kali kedua ini



REKTOR UNISSA semasa menyempurnakan penyerahan sumbangan pada Majlis Penyerahan Sumbangan Amal berupa pakaian raya sempena Ramadan Mubarak 2021.

ialah bagi memupuk dan menggalakkan mahasiswa dan mahasiswi untuk bekerja secara berpasukan dalam aktiviti berkebiasaan dan khidmat masyarakat, di samping untuk menanamkan sifat belia yang sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan agama, bangsa dan negara.

Hadir bagi menyempurnakan penyerahan sumbangan kepada 50 orang penerima yang terdiri daripada kakitangan, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA serta kakitangan Atha Sendirian Berhad, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji

SEBAHAGIAN pakaian Hari Raya hasil sumbangan daripada orang ramai untuk dimanfaatkan oleh mereka yang memerlukan.



Norfaran bin Haji Zainal.

Pakaian Hari Raya tersebut adalah hasil sumbangan orang ramai yang ikut serta dalam program tersebut sejak mula dibukakan pada 22 Mac 2021 yang lalu.

Sebanyak 2,500 pasang pakaian

diterima oleh pihak penganjur.

Melalui program ini, ia juga akan diagih-agihkan kepada orang ramai dan ia diharapkan agar akan dapat membantu mereka yang memerlukan, terutama dalam menyambut ketibaan bulan Syawal yang akan menjelang nanti.

Makmurkan masjid, dekatkan diri dengan Al-Quran

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SALAMBIGAR, Sabtu, 17 April. - Bulan Ramadan begitu bermakna dalam kehidupan setiap yang beragama Islam kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan.

Ramadan juga terhimpun rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, dengan adanya kita pada bulan Ramadan ini, sama-samalah kita merebut peluang yang ada sebanyak-banyaknya, iaitu dengan meningkatkan amal ibadat juga iman dan takwa kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sempena bulan yang penuh berkat ini, ramai yang berlumba-lumba meningkatkan amalan bagi meraih pahala yang berlipat ganda daripada Allah

Subhanahu Wata'ala, tidak kira daripada pihak individu, keluarga mahupun jabatan-jabatan atau pihak syarikat swasta. Antara aktiviti yang sering menyemarakkan bulan Ramadan ialah bertadarus Al-Quran.

Sehubungan itu, Majlis Tadarus bagi Pegawai dan Kakitangan Wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi diadakan di Masjid Kampung Salambigar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Jamaiah binti Haji Abd. Manaf.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan acara tadarus yang

diketuai oleh Timbalan Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dayangku Zainab binti Pengiran Haji Tuah.

Seterusnya, majlis disusuli dengan bacaan Tahlil, dipimpin oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Noraziah binti Haji Asli, manakala Doa Arwah dibacakan oleh Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah, Masjid Kampung Salambigar, Dayang Nur Hafizah binti Haji Ismail.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Ramadan, disampaikan oleh Da'ie Bertauliah MUIB, Dayang Nurhuwaina binti Mamud, dengan tajuk 'Mengisi Ramadan dengan Penuh Ketaqwaan' dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan oleh Pemangku Pengarah Unit Perundangan Islam, Dayang Mahani binti Awang Haji Suhaili.

Aktiviti keagamaan yang merupakan projek tahunan dan dikendalikan oleh KHEU, adalah sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid-masjid di negara ini dan dalam sama-sama mendekatkan diri dengan Al-Quran juga meningkatkan amal ibadat di bulan Ramadan.

Di samping itu, dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan wanita KHEU dengan ahli qariah masjid, khususnya Muslimah masjid.



SUASANA Majlis Tadarus bagi Pegawai dan Kakitangan Wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi yang diadakan di Masjid Kampung Salambigar.



SEBAHAGIAN daripada peserta Tadarus dan Khatam bagi kakitangan wanita KHEU.



فجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn